

No. Rujukan : UTeM.100-1/3/5 (44)



SURAT PEKELILING KEWANGAN BILANGAN 1 TAHUN 2024

PINDAAN PERATURAN PEMBAYARAN BADAN PROFESIONAL DAN PERSATUAN IKHTISAS

Pejabat Bendahari

11 Januari 2024

Disalinkan kepada :

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Pegawai-Pegawai Kanan

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.100-1/3/5 (44)

11 Januari 2024

SURAT PEKELILING KEWANGAN BIL. 1/2024

PINDAAN PERATURAN PEMBAYARAN BADAN PROFESIONAL DAN PERSATUAN IKHTISAS

1.0 TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling Kewangan ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf Universiti Teknikal Malaysia Melaka mengenai pindaan Peraturan Pembayaran Badan Profesional Dan Persatuan Ikhtisas.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pejabat Bendahari telah mengguna pakai Peraturan Pembayaran Badan Profesional dan Persatuan Ikhtisas seperti mana yang termaktub dalam Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti, Bahagian Pengurusan Wang Universiti, Bab F Pembayaran.
- 2.2 Walau bagaimanapun, terdapat keperluan pindaan peraturan sedia ada selaras dengan keperluan semasa Universiti yang telah dibawa oleh Pejabat Pendaftar untuk kelulusan Pihak Berkuasa Melulus merangkumi perkara berikut:
 - i. Pindaan pelaksanaan yuran keahlian dan tahunan Badan Profesional dan Persatuan Ikhtisas.
 - ii. Pertambahan senarai Badan Profesional dan Persatuan Ikhtisas.
- 2.3 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 1/2023 pada 1 Mac 2023 telah meluluskan pindaan Peraturan Pembayaran Badan Profesional dan Persatuan Ikhtisas.

3.0 PINDAAN

3.1 Pindaan Peraturan Pembayaran Badan Profesional dan Persatuan Ikhtisas merangkumi perkara-perkara seperti berikut:

Bil	Peraturan asal	Pindaan Peraturan
1	<p>10.2.3 Syarat dan kelayakan</p> <p>iii. Universiti akan menanggung bayaran keahlian dan tahunan terhadap kepada satu Badan Profesional atau Persatuan Ikhtisas sahaja sama ada dalam atau luar negara.</p>	<p>10.2.3 Syarat dan kelayakan</p> <p>iii. Universiti akan menanggung bayaran keahlian terhadap kepada satu Badan Profesional dan satu Persatuan Ikhtisas sahaja seperti berikut:</p> <p>a. Bayaran pendaftaran (merangkumi yuran pemprosesan dan yuran pendaftaran) dan yuran pembaharuan tahunan Badan Profesional.</p> <p>b. Bayaran pendaftaran Persatuan Ikhtisas sahaja (merangkumi yuran pemprosesan dan yuran pendaftaran). Bayaran yuran pembaharuan tahunan Persatuan Ikhtisas ditanggung oleh pegawai.</p>
2	<p>10.2.3 Syarat dan kelayakan</p> <p>iv. Universiti akan menanggung yuran pemprosesan, yuran</p>	<p>Digugurkan perenggan 10.2.3, iv.</p>

	<p>pendaftaran dan yuran pembaharuan tahunan sahaja. Bagi yuran pemprosesan dan yuran pendaftaran, bayaran adalah sekali sahaja sepanjang tempoh perkhidmatan di permulaan menjadi ahli sesebuah Badan Profesional atau Persatuan Ikhtisas.</p>	
3	<p>Terdapat 13 Badan Profesional yang diluluskan.</p>	<p>Terdapat tambahan Badan Profesional yang mana dua (2) Persatuan Ikhtisas diklasifikasikan sebagai Badan Profesional iaitu Lembaga Kaunselor dan Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT). Bilangan Badan Profesional terkini adalah berjumlah 15.</p>
4	<p>Terdapat 52 Persatuan Ikhtisas yang diluluskan oleh Universiti (termasuk Lembaga Kaunselor dan MBOT).</p>	<p>Terdapat tambahan lapan (8) Persatuan Ikhtisas yang diluluskan oleh Universiti seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) International Society of Electrochemistry (ISE) 2) Green Building Index (GBI) 3) Jabatan Pembangunan Kemahiran

		<p>4) Institut Fizik Malaysia (IFM)</p> <p>5) Malaysian Association of Engineers (MAE)</p> <p>6) Qualitative Research Association of Malaysia (QRAM)</p> <p>7) Malaysian Association of Communication Educators (MACE)</p> <p>8) Energy Institute (Ei)</p> <p>Jumlah Persatuan Ikhtisas terkini yang diluluskan oleh Universiti adalah berjumlah 58 (Lembaga Kaunselor dan MBOT telah diklasifikasikan sebagai Badan Profesional).</p>
5	Pembayaran Badan Profesional dipusatkan di Pejabat Bendahari.	Pembayaran dan peruntukan Badan Profesional dan Persatuan Ikhtisas dipusatkan di Pejabat Pendaftar mulai tahun 2024.

3.2 Pindaan peraturan yang lengkap termasuk penggunaan borang bayaran balik keahlian Badan Profesional dan Persatuan Ikhtisas yang baharu adalah seperti yang termaktub dalam PKPU, Bab F Pembayaran, Perkara 10.2 - Peraturan Pembayaran Badan Profesional dan Persatuan Ikhtisas dan boleh dicapai melalui laman sesawang Pejabat Bendahari iaitu:

<https://pkpu.utem.edu.my/index.php/5-0-bahagian-pengurusan-wang-universiti-pw/bab-f-pembayaran>

4.0 TARIKH KUATKUASA

4.1 Semua PTj hendaklah memastikan Surat Pekeliling Kewangan ini dipatuhi sepenuhnya.

4.2 Surat Pekeliling Kewangan ini berkuatkuasa mulai dari tarikh ia dikeluarkan.

Sekian, harap maklum.

Terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”

Saya yang menjalankan amanah,



SABARINA BINTI ABDULLAH

Bendahari

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

MSR/PKPU2024

10.2 Peraturan Pembayaran Badan Profesional Dan Persatuan Ikhtisas

10.2.1 Tafsiran

- i. **Badan Profesional** adalah badan dalam negara yang mewakili satu-satu profesion yang mana pengamalnya diwajibkan oleh undang-undang untuk mendaftarkan diri dengan badan profesional berkenaan dan pegawai layak menuntut bayaran balik yuran keahlian badan berkenaan.
- ii. **Persatuan Ikhtisas** adalah mana-mana Badan/Persatuan/Pertubuhan dalam atau luar negara (termasuk senarai Persatuan Ikhtisas yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA)) yang diluluskan oleh Universiti bagi tujuan tuntutan bayaran balik yuran keahlian persatuan berkenaan.

10.2.2 Pihak Berkuasa Melulus

- i. Pihak Berkuasa Melulus adalah seperti yang diperincikan dalam Lampiran 1 Bab Governan, Bahagian Tadbir Urus Kewangan, Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti.

10.2.3 Syarat dan Kelayakan

- i. Kemudahan ini adalah layak untuk semua pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional (tidak termasuk tutor) serta Kumpulan Pengurusan Tertinggi Universiti sama ada berjawatan tetap atau kontrak.
- ii. Kemudahan ini juga layak untuk Jururawat, Pembantu Hospital dan Penolong Jurutera (Juruteknik Bertauliah) berjawatan tetap atau kontrak bagi memenuhi keperluan semasa dan keperluan tugas hakiki.

- iii. Universiti akan menanggung **bayaran keahlian** terhad kepada **satu (1) Badan Profesional** dan **satu (1) Persatuan Ikhtisas** sahaja seperti berikut:
 - a. Bayaran pendaftaran (merangkumi yuran pemprosesan dan yuran pendaftaran) dan yuran pembaharuan tahunan Badan Profesional.
 - b. Bayaran pendaftaran Persatuan Ikhtisas sahaja (merangkumi yuran pemprosesan dan yuran pendaftaran). Bayaran yuran pembaharuan tahunan Persatuan Ikhtisas ditanggung oleh pegawai.
- iv. Yuran pembaharuan tahunan tidak termasuk bayaran pemprosesan, langganan majalah dan sebagainya.
- v. Bayaran pelbagai seperti bayaran peperiksaan, langganan majalah/buletin, keahlian perpustakaan dan sebagainya adalah tidak dibenarkan.
- vi. Bayaran yang boleh dituntut adalah berdasarkan jumlah sebenar yang telah dibuat oleh pegawai.
- vii. Bayaran pendahuluan (*advanced payment*) bagi tahun-tahun akan datang atau bayaran tunggakan bagi tahun sebelum adalah tidak dibenarkan.
- viii. Kemudahan ini diberikan secara tuntutan bayaran balik yang disertakan dengan resit asal untuk tahun semasa sahaja.
- ix. Senarai Badan Profesional mengikut keperluan Akta adalah seperti di **Lampiran 10.2 (i)**, Senarai Persatuan Ikhtisas yang telah dikeluarkan oleh JPA adalah seperti di **Lampiran 10.2 (ii)** dan

Senarai Persatuan Ikhtisas yang telah diluluskan oleh Universiti adalah seperti di **Lampiran 10.2 (iii)**.

- x. Sekiranya terdapat keperluan untuk menjadi ahli kepada Badan-Badan Profesional atau Persatuan Ikhtisas selain daripada senarai yang diluluskan, pegawai perlu mengemukakan permohonan melalui Pejabat Pendaftar untuk kelulusan Naib Canselor. Permohonan tersebut perlu dikemukakan bersama dengan justifikasi lengkap seperti berikut:
 - a. Nyatakan keperluan Akta yang memerlukan pegawai menjadi ahli kepada sesebuah Badan Profesional atau Persatuan Ikhtisas tersebut.
 - b. Kepentingan menjadi ahli Badan Profesional atau Persatuan Ikhtisas tersebut bagi menjalankan tugas rasmi.
 - c. Manfaat kepada pelajar/universiti secara keseluruhannya.

10.2.4 Kaedah Permohonan

- i. Setiap permohonan perlu menggunakan borang Bayaran Balik Keahlian Badan Profesional dan Persatuan Ikhtisas seperti di **Lampiran 10.2 (iv)** dan disokong oleh Ketua PTj.
- ii. Borang yang telah disokong oleh Ketua PTj perlu dihantar ke Pejabat Pendaftar bagi tujuan pembayaran dan dilampirkan bersama resit pembayaran dan salinan kelulusan daripada Naib Canselor bagi Badan Profesional atau Persatuan Ikhtisas yang tidak terdapat di dalam senarai yang dinyatakan.
- iii. Pembayaran keahlian Badan Profesional dan Persatuan Ikhtisas adalah menggunakan peruntukan Pejabat Pendaftar.

- iv. Kelulusan bayaran tahunan adalah tertakluk kepada Kelulusan Ketua PTj.

**PROFESION YANG PENGAMALNYA DIWAJIBKAN OLEH UNDANG-UNDANG UNTUK MENDAFTARKAN DIRI DENGAN
BADAN-BADAN PROFESIONAL / IKHTISAS**

Bil.	Profesion	Akta	Badan Profesional/Ikhtisas
1	Doktor	<i>Medical Act 1971</i>	Majlis Perubatan Malaysia
2	Doktor Gigi	<i>Dental Act 1971</i>	<i>Malaysian Dental Council</i>
3	Doktor Veterinar	Akta Doktor Veterinar 1974	Majlis Veterinar Malaysia
4	Jurutera	<i>Registration of Engineers Act 1967 (Revised 1974)</i>	Lembaga Jurutera Malaysia
5	Ahli Kimia	Akta Ahli Kimia 1975	Institut Kimia Malaysia
6	Arkitek dan <i>Building Draughtman</i>	<i>Architect Act 1967 (revised 1973)</i>	Lembaga Arkitek Malaysia
7	Farmasi	<i>Registration Of Pharmacists Ordinance 1951</i>	<i>Pharmacy Board Malaysia</i>
8	Juruukur Tanah	<i>The Licensed Land Surveyors Ordinance 1958</i>	Lembaga Juruukur Tanah Malaysia
9	Peguambela dan Peguamcara	<i>Legal Profession Act 1976</i>	Bar Malaysia dan Majlis Peguam (terkecuali untuk pemegang ijazah yang diiktiraf dan bekerja dengan kerajaan)
10	Juruukur Bahan, Juruukur Bangunan, Penilai, Pentaksir, dan <i>Land Economist</i>	<i>Registration Of Surveyors Act 1976</i>	Lembaga Juruukur
11	Akauntan	<i>Accountants Act 1967 (Revised 1972)</i>	Malaysian Institute of Accountants
12	Pembantu Perubatan	<i>Medical Assistants Registration Act 1977</i>	Lembaga Pembantu Perubatan
13	Jururawat	<i>Nurses Act 1950</i>	Lembaga Jururawat Malaysia
14	Kaunselor	<i>Counselor Act 1988 (Act 580)</i>	Lembaga Kaunselor
15	Teknologis Profesional dan Juruteknik Bertauliah	Akta Teknologis dan Juruteknik 2015 (Akta 768)	Lembaga Teknologis Malaysia

BIL.	NAMA PERSATUAN IKHTISAS
SENARAI PERSATUAN IKHTISAS YANG DIKELUARKAN OLEH JPA	
1	Akademik Perubatan Malaysia
2	Federation Of Malaya Society Of Architects
3	Institut Kimia Malaysia
4	Institution Of Surveyors Federation Of Malaya
5	Joint Group of Institute of Civil Engineers. The Institute of Mechanical Engineers and Institution of Electrical Engineers.
6	Malayan Medical Association
7	Malayan Section Of The Institute Of Mining And Metallurgy
8	Malaysia Institute Of Food Technology
9	Malaysia Society Of Pathologists
10	Malaysian Psychiatric Association
11	Persatuan Ahli Biokimia-Klinikal Malaysia
12	Persatuan Biokimia Malaysia (The Malaysian Bio-Chemical Society)
13	Persatuan Dermatologi Malaysia
14	Persatuan Doktor-Doktor Veterinar Malaysia
15	Persatuan Fisioterapi Malaysia
16	Persatuan Inspektor Kesihatan Malaysia
17	Persatuan Juru-Juru X-Ray Malaysia
18	Persatuan Jurupulih Cara Kerja Malaysia
19	Persatuan Jurutera Galian Malaysia
20	Persatuan Kajiperasit Dan Tropika Malaysia
21	Persatuan Kesihatan Malaysia (Malaysia Society of Health)
22	Persatuan Onkologi Malaysia
23	Persatuan Pakar Bius Malaysia
24	Persatuan Pakar Orthopedic Malaysia
25	Persatuan Pediatrik
26	Persatuan Pegawai Pelajaran Kesihatan
27	Persatuan Pegawai Syar'iah Malaysia
28	Persatuan Pegawai-Pegawai Perkhidmatan Kehakiman Dan Perundangan
29	Persatuan Pembantu Perubatan Malaysia
30	Persatuan Penyakit Berjangkit Dan Kemoterapi Malaysia
31	Persatuan Perkhidmatan Tadbir Dan Diplomatik Malaysia
32	Persatuan Permakanan Malaysia
33	Persatuan Radiologi Malaysia (Malaysia Radiology Society)

34	Pertubuhan Perancang Malaysia
35	The Alumni Association of The King Edward VII College of Medicine
36	The Association Of Medical Social Workers Malaysia
37	The Association Of Physicians Of Malaya
38	The College Of Physicians Of Malaysia
39	The College Of Surgeons Of Malaysia
40	The Institution Of Engineers Federation Of Malaya
41	The Malayan Association Of The Chartered Institute Of Secretaries
42	The Malayan Dental Association
43	The Malayan Pharmaceutical Association
44	The Malayan Scientific Association
45	The Malayan Trained Nurses Association
46	The Malayan Veterinary Medical Association
47	The Malaysian Association Of Certified Public Accountants
48	The Obstetrical And Gynaecological Society Of Malaya
49	The Technical Association Of Malaya
50	Town Planning Institute (Malaya Branch)

Sumber rujukan senarai Badan Profesional / Ikhtisas : Perintah Am Bab C

BIL.	NAMA PERSATUAN IKHTISAS
SENARAI PERSATUAN IKHTISAS YANG DILULUSKAN OLEH UNIVERSITI	
1	American Geophysical Union (AGU)
2	American Psychological Association (APA)
3	American Society of Heating, Refrigerating And Air Conditioning Engineers (ASHRAE)
4	American Society of Mechanical Engineers (ASME)
5	Asean Energy Management Scheme (AEMAS)
6	Asean Federation of Engineering Organisations (AFEO)
7	Asia Pacific Economic Cooperation (APEC)
8	Association For Computing Machinery (ACM)
9	Association For Information Systems (AIS)
10	Building Management Association of Malaysia (BMAM)
11	Chartered Institute of Logistics and Transport (CILT Malaysia)
12	Energy Institute (Ei)
13	Engineering Council (EngC)
14	European Federation of National Engineering Association (FEANI)
15	Financial Planning Association of Malaysia (FPAM)
16	Green Building Index (GBI)
17	Healthcare Information And Management Systems Society (HIMSS)
18	Institut Fizik Malaysia (IFM)
19	Institute of Electrical and Electronics Engineers (IEEE)
20	Institute of Landscape Architects Malaysia (ILAM)
21	Institute of Marketing Malaysia (IMM)
22	Institute of Materials Malaysia (IMM)
23	Institute of Noise Control Engineering (INCE)
24	Institution of Engineering And Technology (IET)
25	Institution of Geospatial And Remote Sensing Malaysia (IGRSM)
26	Institution of Mechanical Engineer (IMechE)
27	International Association of Computer Science And Information Technology (IACSIT)
28	International Association of Engineers (IAENG)
29	International Professional Engineers Agreement (IPEA)
30	International Society of Automation (ISA)
31	International Society of Electrochemistry (ISE)
32	Jabatan Pembangunan Kemahiran
33	Majlis Rekabentuk Malaysia (MRM)

34	Malaysian Association of Communication Educators (MACE)
35	Malaysian Association of Engineers (MAE)
36	Malaysian Chapter Association For Information System (MYAIS)
37	Malaysian Energy Professional Association (MEPA)
38	Malaysian Invention of Design Society (MINDS)
39	Malaysian National Computer Confederation (MNCC)
40	Malaysian Society For Automatic Control Engineers (MACE)
41	Malaysian Society of Engineering & Technology (MySET)
42	Malaysian Thoracic Society (MTS)
43	Malaysian Tribology Society (MYTRIBOS)
44	Mobius Institute Board of Certification (MIBoC)
45	National Federation of Neurolinguistic Programming (NFNLP)
46	Organization of Islamic Cooperation (OIC)
47	Persatuan Kaunseling Malaysia (PERKAMA)
48	Persatuan Pakar Pengajar & Pakar Industri Negara Malaysia
49	Persatuan Perubatan Islam Malaysia (PPIM)
50	Persatuan Psikologi Malaysia (PSIMA)
51	Pertubuhan Akitik Malaysia (PAM)
52	Qualitative Research Association of Malaysia (QRAM)
53	Society of Vibration and Acoustics Malaysia (SVAM)
54	The Fiber Optic Association (FOA)
55	The Institution of Engineers Malaysia (IEM)
56	The Institute of Internal Auditors Malaysia (IIA Malaysia)
57	The International Institute of Acoustics And Vibration (IIAV)
58	The Society of Professional Engineers, UK

Nota: Senarai adalah tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa.

**BORANG BAYARAN BALIK KEAHLIAN
 BADAN PROFESIONAL / PERSATUAN IKHTISAS**

PERHATIAN

1. Sila lampirkan resit rasmi / asal pembayaran atau salinan yang telah disahkan sekiranya menggunakan resit cetakan komputer.
2. Yuran pemprosesan dan yuran pendaftaran dibernarkan sekali sahaja sepanjang tempoh perkhidmatan.
3. Yuran Tahunan dibayar untuk tahun semasa sahaja.

MAKLUMAT PEMOHON

Nama (HURUF BESAR): _____
No. Staf: _____ **Jawatan / Gred:** _____
No. Telefon Bimbit / Samb. Pej: _____
Pusat Tanggungjawab: _____

MAKLUMAT TUNTUTAN

Nama Badan Profesional / Persatuan Ikhtisas: _____

Tandakan (√)	Jenis Tuntutan	Jumlah	No. Resit Rasmi
	Yuran Pendaftaran	RM	
	Yuran Pemprosesan	RM	
	Yuran Tahunan	RM	
JUMLAH TUNTUTAN BAYARAN		RM	

PENGAKUAN

AKUAN PEMOHON

Saya mengaku dan mengesahkan bahawa tuntutan bayaran ini telah dibuat kepada Badan Profesional / Persatuan Ikhtisas yang dinyatakan mengikut syarat dan peraturan semasa yang berkuatkuasa.

Tandatangan:

Nama:

Tarikh:

PENGESAHAN

KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB

Permohonan ini telah disemak dan disahkan bahawa:

- i) Pemohon adalah layak selaras dengan peraturan dan syarat semasa yang berkuatkuasa; dan
- ii) Pemohon perlu mendaftar sebagai Badan Profesional / Persatuan Ikhtisas yang dipohon bagi keperluan semasa dan memenuhi keperluan tugas hakiki / tugas rasmi.

Ulasan: _____

Tandatangan:

Nama:

Tarikh:

Cap Ketua PTj:

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT PENDAFTAR

Tandatangan dan Cap Jawatan:

Tarikh:

Dokumen: Lengkap Tidak lengkap : _____

Kemaskini pada: 01/01/2024